

## KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor di **SELURUH SARAWAK** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai perakuan serta sijil-sijil yang masih sah seperti berikut:

- i. Perakuan pendaftaran Kontraktor (PPK) dari CIDB Gred G3, kategori B, Pengkhususan B24.

DAN

- ii. Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK) dari CIDB Gred G3, kategori B.

ATAU

Sijil Pendaftaran Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) Kelas E/Kepala II /Sub kepala 5a, 5b, 5c.

untuk menyertai sebut harga di bawah:

**NO. SEBUT HARGA : PMU/PEROLEHAN/KERJA-KERJA/2025/006**


**TAJUK SEBUT HARGA : KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BUMBUNG DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN JTMK POLITEKNIK MUKAH, SARAWAK (TAWARAN SEMULA)**

1. Dokumen hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor yang sah dan menghadiri Taklimat beserta lawatan Tapak sahaja. Untuk maksud ini Kontraktor (Pemilik Syarikat yang dinamakan) hendaklah membawa dokumen-dokumen ASAL dan SALINAN (Setiap satu (1) Salinan adalah untuk satu (1) projek dan Salinan dokumen tidak akan dikembalikan) seperti dibawah untuk tujuan semakan;
  - (a) Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
  - (b) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau UPKJ
  - (c) Kad Pengenalan
  - (d) Cop Syarikat
2. Silakan kemukakan sijil pendaftaran PPK, SPKK dan PKK beserta surat pembaharuan jika sijil sedia ada akan tamat pada tempoh dua (2) bulan semasa lawatan tapak dan pengambilan dokumen.
3. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Hanya **PENAMA** di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK)/Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) sahaja boleh menghadiri taklimat/lawatan tapak dan **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain dari **PENAMA** yang dibenarkan di dalam sijil.

TARIKH : 23 APRIL 2025 (RABU)  
JAM : 9.00 PAGI  
TEMPAT : BILIK MESYUARAT UPPF

4. Dokumen boleh diambil pada 23 April 2025 semasa taklimat dijalankan di Bilik Mesyuarat UPPF kepada penama yang hadir sahaja
5. Dokumen sebutharga yang telah dicetak dan diisi lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan ditulis atas sampul tersebut NO. SEBUT HARGA beserta TAJUK SEBUTHARGA dan hendaklah dihantar sebelum atau pada jam **12.00 TENGAHARI, 29 APRIL 2025 (SELASA)** seperti berikut :

**PENGARAH**  
Politeknik Mukah,  
KM 7.5, Jalan Oya,  
96400 Mukah,  
SARAWAK.



6. Dokumen yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan ini tidak akan dipertimbangkan. Jabatan ini tidak terikat untuk menerima tawaran harga terendah. Politeknik Mukah berhak untuk membatal atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan sebelum atau selepas tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan sebab atas keputusan tersebut.

## POLITEKNIK MUKAH

NO. SEBUTHARGA: PMU/PEROLEHAN/KERJA-KERJA/2025/006

### KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tuan/Puan,

**SEBUTHARGA BIL: PMU/PEROLEHAN/KERJA-KERJA/2025/006**

**SEBUTHARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BUMBUNG DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN JTMK POLITEKNIK MUKAH, SARAWAK (TAWARAN SEMULA)**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa syarikat tuan telah dipilih untuk menyertai tawaran sebutharga yang tersebut di atas.

Tawaran sebutharga di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

1. Syarikat mestilah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) - PPK dalam bidang yang berkenaan; **GRED G3-B24 Kerja Penyenggaraan Bangunan** dan mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**. (Sila majukan sijil pendaftaran yang masih sah tempohnya untuk rujukan Politeknik Mukah, Sarawak) **ATAU**;
2. Syarikat bertaraf **bumiputera atau bukan bumiputera** yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (**BPKU**) atau Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juru Perunding Sarawak (**UPKJ**) **KELAS E- Head II: Building Works; Sub-Head 5a: Repainting/Repair/Maintenance of Low-rise Building, Sub-Head 5b: Demolition and Sub-Head 5c: Other Related Works**, dalam bidang yang berkenaan.
3. Tempoh sahlaku minima tawaran sebutharga adalah selama **120 hari** dari tarikh tawaran sebutharga.
4. Sila nyatakan tempoh serahan bekalan / tempoh siap kerja dalam tawaran yang dimajukan.

5. Tawaran sebutharga hendaklah dibuat berdasarkan kepada spesifikasi kerja yang dilampirkan di Dokumen Sebutharga.
6. Sila majukan maklumat tentang pengalaman syarikat tuan dalam menjalankan kerja-kerja sebegini. (Nyatakan nama agensi/syarikat yang sedang melanggan atau pernah melanggan perkhidmatan tuan untuk rujukan kami).
7. Lawatan Tapak adalah diwajibkan bagi sebutharga ini.

**Tarikh** : **23 April 2025 (Rabu)**  
**Masa** : **9.00 Pagi**  
**Tempat** : **Politeknik Mukah, Sarawak (PMU)**  
**Bilik Taklimat**  
**Unit Pembangunan & Penyelenggaraan Fasiliti**  
**Km 7.5, Jalan Oya,**  
**96400 Mukah, Sarawak.**

8. Sila bawa bersama **COP RASMI SYARIKAT** untuk mengisi tandatangan pada borang kehadiran.
9. Penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen sebutharga sebelum mengemukakan tawaran.
10. Pastikan dokumen sebutharga adalah lengkap di kesemua muka surat.
11. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai perkara diatas, sila berhubung terus dengan pegawai di **Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan Fasiliti (UPPF)** di talian **084 – 874001 ext. 8067 (Puan Winnie anak Jarum – 014 595 9223)**.
12. Dimaklumkan sekali lagi agar pihak tuan meneliti dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti diatas bagi mengelakkan tawaran sebutharga tuan ditolak kerana tidak memenuhi syarat-syarat tersebut.

13. Tawaran sebutharga ini hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup dan mestilah sampai ke Politeknik Mukah selewat-lewatnya sebelum atau pada **29 APRIL 2025 (SELASA), JAM 12.00 TENGAHARI** untuk perhatian Seksyen Perolehan dan Pentadbiran Am di alamat berikut:

**PENGARAH,  
Politeknik Mukah,  
Kementerian Pendidikan Tinggi,  
KM 7.5, Jalan Oya, 96400 Mukah,  
SARAWAK.  
(U.P: Seksyen Perolehan)**

**Sila catatkan nombor bilangan tawaran sebutharga di sebelah kiri (atas) sampul surat tawaran.**

14. Berhubung dengan perkara tersebut, perhatian dan kerjasama daripada pihak Ybhg. Dato'/Dr/Tuan/Puan, amatlah kami hargai. Sebarang pertanyaan pihak tuan boleh hubungi pegawai kami di **Unit Pembangunan dan Penyelenggaraan Fasiliti (UPPF)** di talian **084 – 874001 ext. 8067** (Puan Winnie anak Jarum – 014 595 9223).

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(SUHAILI BIN ALIH)**

Pengarah  
Politeknik Mukah

